




PARLIMEN MALAYSIA



MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUABELAS
2008

JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA
KEMENTERIAN

HARI SELASA: 26 OGOS 2008

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN.
(SOALAN NO. 4, 6 12, 16 HINGGA 30)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 3, 5,
7 HINGGA 11 DAN 13 HINGGA 15**

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR]**

TARIKH : 26 OGOS 2008

SOALAN :

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan tentang projek E-Tanah yang dilancarkan pada tahun 2005 dari segi:-

- (a) status Projek Perintis di Pulau Pinang; dan
- (b) status projek hari ini secara menyeluruh dan bila akan dilaksanakan di seluruh negara.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, objektif utama projek e-Tanah ialah untuk membangunkan sistem pengurusan dan pentadbiran tanah yang bersepadu melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bagi mempercepatkan dan meningkatkan sistem penyampaian urusan tanah kepada orang awam. Sehingga 25 Julai 2008, status pelaksanaan projek perintis e-Tanah di Pulau Pinang adalah sebanyak 90%. Sistem e-Tanah ini dijangka dapat diguna sepenuhnya di Pulau Pinang pada awal tahun 2009.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan peruntukan untuk peluasan projek e-Tanah ke seluruh negara di bawah Kajian Separuh Penggal (KSP) Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) tidak diluluskan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN GOBALAKRISHNAN A/L NAGAPAN
(PADANG SERAI)**

TARIKH : 26 OGOS 2008 (SELASA)

SOALAN :

Y.B. TUAN GOBALAKRISHNAN A/L NAGAPAN (PADANG SERAI) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah kriteria-kriteria atau prosedur untuk mendapatkan lesen pinjaman wang (money lending).

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan untuk Lesen Pemberi Pinjam Wang hanya akan dipertimbangkan sekiranya permohonan memenuhi syarat dan kriteria seperti berikut :-

- a) mana-mana perbadanan/syarikat/pertubuhan milik Kerajaan yang ditubuhkan mengikut tujuan tertentu; atau

- b) mana-mana syarikat/pertubuhan/firma swasta dalam perniagaan lain yang membuat keuntungan melebihi RM1 juta setahun bagi tempoh 3 tahun berturut-turut dengan rekod perniagaan bersih; atau

- c) mana-mana syarikat/pertubuhan/firma baru yang mempunyai seorang atau lebih pemilik saham yang mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman profesional dalam pengurusan kewangan dan perbankan; atau
- d) mana-mana syarikat/ pertubuhan/ firma yang mempunyai objektif perniagaan di bawah program vendor atau memberi bantuan pelajaran kepada pelajar institusi latihan milik mereka sendiri atau mengeluarkan modal teroka (venture capital) untuk pelanggan tersenarai/tertentu; atau
- e) pemegang lesen PPW sedia ada yang membuat keuntungan melebihi RM 0.5 juta setahun bagi tempoh 3 tahun berturut-turut dengan rekod perniagaan bersih dan bertujuan untuk penubuhan cawangan baru; dan
- f) mempunyai modal berbayar/modal kerja tunai RM 1 juta ke atas ; dan

- g) terdapat kekosongan kuota dalam kawasan PBT yang dipohon.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Ogos 2008

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]
TARIKH : 26 OGOS 2008
NOMBOR FAIL : 1271

SOALAN:

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk mencegah korupsi dan penyelewengan kuasa dari segi kelulusan permit pekerja asing di kalangan pegawai kerajaan tertinggi di Jabatan Imigresen berikutan dengan siasatan yang dijalankan oleh BPR terhadap Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah di Imigresen.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua

Terima kasih kepada Yang Berhormat dari Seputeh yang mengemukakan pertanyaan tersebut.

Kementerian memandang sangat serius isu-isu berkaitan korupsi, penyelewengan kuasa dan lain-lain perkara negatif yang dapat menjejaskan imej jabatan, Kementerian dan negara. Kementerian merasa amat dukacita di atas kejadian yang melibatkan Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah dan beberapa pegawai kanan dan pegawai imigresen lain. Insiden ini sedikit sebanyak telah menjejaskan imej dan nama baik Jabatan Imigresen Malaysia.

Kementerian komited penuh serta berazam supaya insiden serupa tidak akan berulang lagi. Bagi tujuan ini Kementerian telah mengarahkan Jabatan Imigresen Malaysia, mengambil tindakan pencegahan dan pemantapan ketelusan membuat keputusan seperti berikut:-

(i) **Pusingan Kerja (Job Rotation).**

Pegawai Imigresen yang telah berkhidmat di bahagian atau unit yang sensitif lebih dari 3 tahun ditukarkan ke bahagian atau unit lain. Selain dari itu, ada juga pusingan kerja di antara Kementerian dan jabatan-jabatan lain di bawah Kementerian ini.

(ii) **Mengemas kini rekod peribadi dan Pengisytiharan Harta.**

Semua kakitangan Jabatan Imigresen Malaysia diwajibkan mengemas kini rekod peribadi termasuk pengisytiharan harta.

(iii) **Penubuhan Jawatankuasa bagi menimbang permohonan kes-kes rayuan.**

Semua kes-kes bagi kes-kes rayuan lanjutan dan sebagainya akan dibawa ke jawatankuasa khas rayuan yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Imigresen setiap hari. Ini adalah bertujuan untuk memastikan bahawa proses membuat keputusan adalah telus, dan mengelakkan penyelewengan atau penyalahgunaan kuasa. Melalui kaedah ini juga kuasa membuat keputusan yang diberikan kepada pegawai-pegawai dikurangkan.

(iv) **Menempatkan Pegawai Imigresen di Lobi Ibu Pejabat Jabatan Imigresen Malaysia sebagai Pegawai Perhubungan Pelanggan (*Customer Relation Officers*).**

Bagi mengatasi masalah 'agen-agen' atau orang tengah, Jabatan Imigresen Malaysia telah menempatkan Pegawai Imigresen di bahagian lobi Ibu Pejabat Jabatan Imigresen Malaysia untuk bertindak sebagai Pegawai Perhubungan Pelanggan. Mereka akan mengarahkan pelanggan kepada kaunter atau Bahagian Unit yang betul selaras dengan konsep '*No Wrong Door Policy*' kerajaan.

(v) **Mengkaji semula semua proses dan prosedur membuat keputusan.**

Semua proses dan prosedur kerja dikaji semula oleh Jabatan Imigresen Malaysia untuk menjadikannya lebih telus, dan bagi mengelakkan perbuatan penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan rasuah.

Demikian beberapa langkah yang akan, dan telah diambil oleh Kementerian bagi mencegah korupsi, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa di kalangan pegawai-pegawai Jabatan Imigresen Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan telah memutuskan untuk menubuhkan Suruhanjaya Pengangkutan Awam untuk merancang, mengawal selia dan membangunkan sistem perkhidmatan awam di seluruh Negara. Ini kerana pada masa ini, rangka kawal selia pengangkutan awam tidak bersepadu, di mana lebih daripada 13 agensi Kerajaan terlibat dalam pembentukan dasar, perancangan, pelaksanaan serta penguatkuasaan yang berkaitan dengan pengangkutan awam.

Dengan penubuhan Suruhanjaya ini, fungsi serta tanggungjawab pelbagai agensi Kerajaan ini akan diselaraskan agar dasar, strategi dan langkah Kerajaan untuk membangunkan sistem pengangkutan awam di Negara ini lebih bersepadu, menyeluruh dan cekap.

Untuk makluman Yang DiPertua, kerajaan sedang merangka struktur, skop, fungsi, tanggungjawab dan bidang kuasa terperinci bagi Suruhanjaya tersebut. Kerajaan juga sedang dalam proses penderafan Akta yang berkaitan dengan penubuhan Suruhanjaya tersebut untuk dibentangkan di Parlimen kelak. Maka, perkara seperti yang disebut oleh YB Petaling Jaya Utara, adalah tidak berbangkit.

Sekian. Terima kasih

SOALAN NO: 17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH
[LIMBANG]

BERTARIKH : 26 OGOS 2008

SOALAN :

TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH (LIMBANG) MINTA MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN BILAKAH AKAN DIBUAT KAJIAN TERHADAP HAD BERAT KENDERAAN LORI DI ATAS JALAN RAYA UNTUK NEGERI SARAWAK MEMANDANGKAN DI SEMENANJUNG SUDAH PUN DINAikkan DARIPADA 38 TAN KEPADA 44 TAN.

JAWAPAN :

TUAN YANG DIPERTUA,

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERTHORMAT, KEMENTERIAN KERJA RAYA MELALUI JKR TELAH MELAKSANAKAN KAJIAN KEUPAYAAN STRUKTUR JAMBATAN DI SEPANJANG JALAN PERSEKUTUAN DI NEGERI SARAWAK, SABAH DAN LABUAN PADA TAHUN 2005 DAN TELAH SIAP SEPENUHNYA PADA NOVEMBER 2007.

KAJIAN KEUPAYAAN INI DIBUAT BAGI MENGENALPASTI STRUKTUR JAMBATAN DI LALUAN PERSEKUTUAN YANG BOLEH MENAMPUNG BEBAN SEHINGGA 38 TAN.

DARIPADA HASIL KAJIAN YANG DIJALANKAN KE ATAS 206 JAMBATAN DI NEGERI SARAWAK, TERDAPAT 28 JAMBATAN YANG MEMPUYAI KAPASITI YANG KURANG DARI HAD 38 TAN DAN MEMERLUKAN KERJA PENAMBAHBAIKAN SEPERTI PENUKARAN DAN PEMULIHAN STRUKTUR SEDIA

ADA. SEBANYAK 26 DARIPADA JAMBATAN TERSEBUT TERLETAK DI LALUAN 1 (JALAN SEMANTAN – KUCHING – MIRI), SATU (1) DI LALUAN 25 (JALAN UTAMA BATANG AI) DAN SATU (1) DI LALUAN 26.

SETAKAT INI, TIADA KAJIAN DIJALANKAN UNTUK MENAIKKAN HAD BEBAN DARI 38 TAN KE 44 TAN BAGI LALUAN-LALUAN PERSEKUTUAN DI NEGERI SARAWAK. WALAUBAGAIMANAPUN, JKR MALAYSIA SEDANG DALAM PERBINCANGAN DENGAN JKR SARAWAK UNTUK MELAKSANAKAN KAJIAN TERSEBUT.

TUAN YANG DIPERTUA,
UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT JUGA, LALUAN YANG TELAH DINAIKKAN HAD BERAT KENDERAAN DARI 38 TAN KE 44 TAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA HANYA MELIBATKAN LALUAN-LALUAN TERTENTU SAHAJA IAITU YANG TERSENARAI DI DALAM SENARAI 1 DI DALAM *WEIGHT RESTRICTIONS (FEDERAL ROADS)(AMMENDMENT) ORDER 2003.*

SOALAN NO. 18

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN FONG KUI LUN

KAWASAN : BUKIT BINTANG

TARIKH : 26.08.2008 (SELASA)

Y.B. TUAN FONG KUI LUN (BUKIT BINTANG) minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan kedudukan permit import kenderaan baru dan terpakai dari luar negara yang dikeluarkan sepanjang tempoh 3 tahun lalu, nisbahnya, nama syarikat pemegang AP mewakili setiap negeri dan jumlah eksport kereta nasional sepanjang tempoh yang sama serta bilakah pasaran terbuka menurut perjanjian FTA akan bermula.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi tempoh 2006 hingga Jun 2008, bilangan dan nisbah Lesen Import (AP) kenderaan baru dan terpakai yang telah dikeluarkan kepada syarikat-syarikat pemegang AP Terbuka bagi kenderaan terpakai dan AP Francais bagi kenderaan baru adalah :

<u>Tahun</u>	<u>Jumlah AP Keluar</u>	<u>AP Francals</u>	<u>AP Terbuka</u>
2006	38,545	21,043 (54.6%)	17,502 (45.4%)
2007	27,838	8,153 (29.3%)	19,685 (70.7%)
2008 (Jan – Jun)	21,316	4,819 (22.6%)	16,497 (77.4%)
Jumlah	87,699	34,015 (38.8%)	53,684 (61.2%)

Tuan Yang Di Pertua,

Pada masa kini, terdapat 86 syarikat pemegang AP Terbuka dan 21 syarikat pemegang AP Francals. Pecahan syarikat-syarikat pemegang AP Terbuka mengikut kawasan adalah seperti berikut :

<u>Kawasan</u>	<u>Bilangan Syarikat</u>
i. Lembah Klang	32
ii. Negeri Sembilan	3
iii. Johor	8
iv. Pulau Pinang	1
v. Kedah	1
vi. Sabah	12
vii. Sarawak	29
<u>JUMLAH</u>	<u>86</u>

Kesemua (21 buah) syarikat pemegang AP Francals terletak di Lembah Klang.

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi tempoh 2006 hingga Jun 2008, PROTON dan PERODUA telah mengeksport sebanyak 54,191 unit kereta ke luar negara. Jumlah eksport kedua-dua syarikat nasional mengikut tahun adalah seperti berikut :

<u>Tahun</u>	<u>Bilangan</u>		<u>Jumlah</u>
	<u>PROTON</u>	<u>PERODUA</u>	
2006	19,473	2,586	22,059
2007	15,567	1,575	17,142
2008 (Jan – Jun)	13,118	1,872	14,990
Jumlah	48,158	6,033	54,191

Tuan Yang Di Pertua,

Liberalisasi industri automotif telah dilaksanakan oleh Kerajaan secara progresif menerusi perjanjian-perjanjian perdagangan bebas (FTA) yang telah ditandatangani atau sedang dirunding oleh Kerajaan. Melalui perjanjian-perjanjian ini, duti import bagi kenderaan completely built-up (CBU) dan completely knocked-down (CKD) akan dikurangkan dan dihapuskan.

Pengurangan dan penghapusan duti import di bawah perjanjian-perjanjian bebas untuk CBU adalah seperti berikut :

(i) Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA)

- duti import telah dikurangkan daripada 30 peratus kepada 5 peratus pada 1 Januari 2007 dan akan dihapuskan sepenuhnya pada 1 Januari 2010.

- (ii) Malaysia-Japan Economic Partnership Agreement (MJEPA)
 - duti import sebanyak 30 peratus akan dihapuskan sepenuhnya pada tahun 2015.
- (iii) Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-Korea (AKFTA)
 - duti import sebanyak 30 peratus akan dikurangkan berperingkat kepada 5 peratus pada tahun 2016.
- (iv) Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-China (ACFTA)
 - duti import sebanyak 30 peratus akan dikurangkan kepada 5 peratus pada tahun 2018.

Pengurangan dan penghapusan duti import di bawah perjanjian-perjanjian bebas untuk kenderaan CKD adalah seperti berikut :

- (i) Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA)
 - duti import sebanyak 10 peratus telah dihapuskan pada 1 Januari 2007;
- (ii) Malaysia-Japan Economic Partnership Agreement (MJEPA)
 - duti import sebanyak 10 peratus telah dihapuskan pada tahun 2006.
- (iii) Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-Korea (AKFTA)
 - duti import sebanyak 10 peratus akan dikurangkan kepada 5 peratus pada tahun 2016.
- (iv) Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-China (ACFTA)
 - duti import sebanyak 10 peratus akan dikurangkan kepada 5 peratus pada tahun 2018.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN
(KOTA BELUD)**

TARIKH : 26.08.2008

SOALAN:

Y.B. DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN [KOTA BELUD] minta Menteri Pelajaran menyatakan :-

- (a) sejauh manakah penguatkuasaan undang-undang pendidikan wajib dilaksanakan bagi memastikan ibu bapa mendaftarkan anak yang mencapai umur 6 tahun ke sekolah rendah bagi mengurangkan kes keciciran pendidikan di kalangan rakyat; dan
- (b) sejak dilaksanakan mulai tahun persekolahan 2003, berapakah kes berkaitan undang-undang tersebut yang telah dilaporkan ke pihak berkuasa.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

(a) dan (b)

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah melaksanakan Dasar Pendidikan Wajib di peringkat sekolah rendah mulai 2003 seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 29A Akta Pendidikan 1996. Berdasarkan peruntukan tersebut, ibu bapa boleh dikenakan tindakan jika tidak menyekolahkan anak-anak mereka. Sejak dilaksanakan mulai tahun persekolahan 2003 belum ada kes ibu bapa yang didakwa mengikut undang-undang Pendidikan Wajib (PW). Ini adalah kerana

KPM berpendapat adalah lebih baik Pendidikan Wajib dijalankan secara teratur dan terancang daripada menggunakan kaedah "punitive" terhadap ibu bapa. KPM meneruskan dasar bertoleransi dalam menjalankan perundangan Pendidikan Wajib terutamanya terhadap masyarakat luar bandar yang masih belum memahami sepenuhnya keperluan Pendidikan Wajib ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ingin ditegaskan bahawa peruntukan undang-undang tersebut bukanlah bertujuan untuk membebaskan ibu bapa tetapi lebih bertujuan memberi peringatan kepada pihak berkenaan tentang tanggungjawab mereka terhadap kepentingan pendidikan kepada anak masing-masing.

Rjm 11

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]
TARIKH : 26 OGOS 2008
NOMBOR FAIL : 1270

SOALAN:

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah yang diambil untuk menangani masalah sosial dan ekonomi yang disebabkan oleh pendatang haram yang tinggal dan berdagang di Pasar Borong Kuala Lumpur dan kawasan Selayang.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat dari Selayang yang mengemukakan pertanyaan tersebut.

Isu Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dipandang serius oleh Kerajaan. Dianggarkan terdapat lebih kurang 1 juta PATI di seluruh negara (termasuk Sabah dan Sarawak). Kehadiran PATI menimbulkan pelbagai masalah sosial, ekonomi dan politik kepada negara. Kerajaan terpaksa menggunakan banyak sumber bagi menangani isu PATI.

Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) merujuk kepada warganegara asing yang masuk dan tinggal di negara ini dengan melanggar syarat-syarat yang ditetapkan dalam Akta Imigresen 1959/63 atau Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.

Seorang warganegara asing dikategorikan sebagai PATI apabila melanggar syarat-syarat seperti berikut:-

- (i) Masuk dan tinggal di negara ini secara haram.
(Kesalahan di bawah Seksyen 6 (1)(c) Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002);
- (ii) Tinggal melebihi masa (tempoh) yang dibenarkan.
(Kesalahan di bawah Seksyen 15 (1)(c) Akta Imigresen 1959/63;

- (iii) Menyalahgunakan Pas Lawatan / Permit Kerja yang dikeluarkan.
(Kesalahan di bawah Peraturan 39 (b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963; dan
- (iv) Masuk / tinggal di negara ini atas dokumen perjalanan / visa palsu.
(Kesalahan di bawah Seksyen 56 (1)(1) Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002).

Langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi menangani masalah pendatang haram yang tinggal dan berdagang di Pasar Borong Kuala Lumpur dan kawasan Selayang adalah sama seperti mana di tempat-tempat lain. Di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan adalah seperti berikut:-

- (i) Melalui operasi penguatkuasaan bersepadu berterusan di antara Jabatan Imigresen Malaysia, RELA dan Polis DiRaja Malaysia. Bagi tempoh 1 Januari 2008 hingga 30 April 2008, seramai 20,098 orang PATI telah ditangkap melalui 2,050 operasi yang dilaksanakan di seluruh negara;
- (ii) Menasihatkan majikan supaya tidak mengajikan PATI. Majikan digalakkan supaya mengambil pekerja tempatan. Tindakan undang-undang akan diambil terhadap majikan yang didapati bersalah mengajikan PATI;
- (iii) Pemilik-pemilik premis dinasihatkan supaya tidak menyewakan bangunan kepada PATI. Pemilik premis yang

didapati melanggar peraturan boleh diambil tindakan undang-undang di atas kesalahan '**melindungi PATI**';

- (iv) Ibu Pejabat Jabatan Imigresen Malaysia membuka Bilik Gerakan yang beroperasi 24 jam / 7 hari - untuk menerima aduan dari orang awam mengenai hal-hal yang berkaitan dengan masalah imigresen. Orang ramai boleh membuat aduan ke Bilik Gerakan ini dan tindakan susulan akan diambil oleh Jabatan Imigresen; dan
- (v) Satu sistem pengesanan PATI baru yang dikenali sebagai '*Mobile Enforcement Immigration System*' telah diperkenalkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Melalui sistem ini tugas-tugas penguatkuasaan akan menjadi lebih mudah. Sistem mudah alih (*mobile*) ini berupaya mengesahkan dokumen perjalanan warga asing adalah tulen berdasarkan semakan dengan pusat pangkalan data JIM. Sistem ini juga dapat digunakan oleh pihak penguatkuasaan apabila melakukan operasi di lokasi-lokasi tempat mereka bekerja seperti di pasar borong, tapak pembinaan, ladang, kilang dan sebagainya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED
[PULAI]
TARIKH : 26 Ogos 2008
SOALAN :

Y.B. Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk mewajibkan Petronas membentangkan akaun kewangannya secara terperinci di Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Jika tidak, sila nyatakan sebab-sebabnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PETRONAS diperbadankan di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974 dan didaftarkan sebagai sebuah syarikat di bawah Akta Syarikat 1965. Tatacara pengurusan syarikat seperti Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Tahunannya adalah tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan dalam Akta berkaitan. Akaun PETRONAS diaudit oleh juruaudit luar dan dibentangkan di Mesyuarat Lembaga Pengarah yang turut dianggotai oleh pegawai-pegawai tinggi Kerajaan. Sehubungan itu, Kerajaan tidak bercadang untuk meminta PETRONAS mengemukakan akaun kewangannya kepada Parlimen.

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berminat, Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Tahunan PETRONAS yang diaudit boleh diakses dengan mudah melalui laman web syarikat.

Tuan Yang di Pertua,

Walaupun akaun kewangan PETRONAS tidak dibentangkan di Parlimen, Kerajaan terus menerima soalan-soalan mengenai pengurusan PETRONAS dan kedudukan kewangannya yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sehubungan ini, sedaya upaya Kerajaan akan terus memberi penjelasan ke atas soalan-soalan tersebut di Dewan yang mulia ini mengenai prestasi kewangan PETRONAS dan hal-hal lain yang berkaitan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN FONG PO KUAN [BATU GAJAH]

TARIKH : 26 OGOS 2008 [SELASA]

SOALAN:

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan maksud "kedudukan istimewa orang Melayu" di bawah Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan dan nyatakan perkara-perkara yang dirangkumi di bawahnya. Nyatakan polisi-polisi, undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan Perkara 153 yang diguna pakai di dalam sistem pentadbiran.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Perpaduan negara dan integrasi nasional merupakan hasrat dan aspirasi utama Kerajaan sejak kemerdekaan tanahair lagi. Hasrat dan aspirasi ini ditunjangi kontrak sosial yang turut terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan dan diterjemahkan dalam dasar dan pelaksanaan Kerajaan.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, hak dan kedudukan orang Melayu dan Bumiputera menjadi salah satu tonggak kepada kontrak sosial tersebut, disamping perkara-perkara lain yang dipersetujui selama ini sepertimana hak dan kepentingan kaum-kaum lain. Kontrak sosial ini telah membawa kepada kemerdekaan negara kita, dan seterusnya mendasari keamanan dan kestabilan yang telah dinikmati negara sejak sekian lama.

Perkara-perkara yang dirangkumi di bawah Perkara 153 termasuklah kedudukan dalam perkhidmatan awam, kemudahan pendidikan dan latihan termasuk biasiswa, serta permit dan lesen bagi perniagaan. Perkara-perkara tersebut telah termaktub secara jelas dalam Perlembagaan Persekutuan, dan akan terus dipertahankan oleh Kerajaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Perkara 153 ini mendasari pelaksanaan pentadbiran Kerajaan secara menyeluruh. Oleh itu, adalah tidak praktikal bagi saya untuk menyenaraikan satu-persatu setiap dasar, undang-undang, dan peraturan yang telah digubal dan dilaksanakan bagi tujuan menjelmakan aspirasi Perkara 153 dalam pentadbiran Kerajaan. Memadailah sekiranya beberapa contoh diberi bagi memberikan gambaran bagi pelaksanaan Perkara 153.

Misalnya, antara dasar Kerajaan yang lahir hasil daripada usaha Kerajaan untuk melaksanakan peruntukan dalam Perkara 153 adalah Dasar Ekonomi Baru, yang telah diumumkan pada tahun 1971. Malah setiap Rancangan Malaysia yang telah dilaksanakan sejak Rancangan Malaysia Kedua sehinggalah kepada Rancangan Malaysia Kesembilan turut merangkumi aspek membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum serta usaha menyusun semula masyarakat bagi menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi. Pelaksanaan aspek menyusun semula masyarakat tersebut adalah bersandarkan kepada keperluan menjamin kesamarataan sosio-ekonomi antara kaum bagi menjaga kestabilan dan kemakmuran negara, disamping memelihara hak dan kedudukan golongan Melayu dan Bumiputera yang termaktub di dalam Perkara 153.

Dari aspek undang-undang pula, antara akta yang telah digubal bagi tujuan mencapai aspirasi Perkara 153 termasuklah Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan, yang antara lainya memperuntukkan perizaban lesen-lesen kenderaan perdagangan untuk orang Melayu dan Bumiputera.

Akhir sekali, antara peraturan yang telah dirangka bagi tujuan pelaksanaan Perkara 153 termasuklah Garis Panduan Permohonan Lesen PDA yang telah dirangka oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, yang antara lainnya memperincikan keperluan penglibatan golongan Melayu dan Bumiputera dalam pemilikan syarikat yang ingin menjalankan aktiviti pemasaran dan pengedaran produk petroleum.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB LIM KIT SIANG (IPOH TIMUR)

TARIKH : 26 OGOS 2008

SOALAN :

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta PERDANA MENTERI menyatakan perkembangan terbaru dalam usaha Kerajaan menangani masalah pendatang tanpa izin di Sabah dan hasil konkrit yang tercapai setakat ini.

JAWAPAN : Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Dalam usaha terbaru Kerajaan menangani masalah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di Sabah, Operasi Bersepadu telah dilaksanakan dengan dengan penyertaan pelbagai agensi penguatkuasaan seperti Pasukan Petugas Khas Persekutuan (Sabah/ Labuan), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA), Jabatan Imigresen, Jabatan Ketua Menteri Sabah dan Jabatan Pendaftaran Negara.

Operasi Bersepadu yang dimulakan pada 7 Ogos 2008 sehingga 22 Ogos 2008 telah berjaya memeriksa seramai 15,997 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 6,795 orang telah ditangkap untuk pemeriksaan lanjut. Setelah pemeriksaan lanjut, seramai 751 orang telah ditahan/ direman dan ditempatkan di Pusat Tahanan Sementara (PTS) untuk selanjutnya dihantar ke negara asal mereka setelah mendapat dokumen perjalanan sehala dari Kedutaan mereka yang berada di negara ini.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : DATO' IBRAHIM BIN ALI (PASIR MAS)
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 26.08.2008

Dato' Ibrahim bin Ali (Pasir Mas) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah benar MV Agusta anak syarikat PROTON dijual kepada Gevi Spa dengan harga 1 Euro yang mana ianya dibeli dengan harga 76 juta Euro manakala Gevi Spa menjual pula kepada BMW dan Harley Davidson dengan mendapat keuntungan hampir 800 juta sebagaimana dakwaan Tun Mahathir dalam blognya bertarikh 19 Julai 2008.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, PROTON pada Disember 2004 telah melabur 70 juta Euro (RM353 juta) di dalam syarikat pembuat motosikal Itali, MV Agusta Motors Spa (MVAM) dengan pegangan saham sebanyak 57.75%. Semasa pembelian saham ini dibuat, MVAM sedang menghadapi masalah kewangan dan mencatatkan kerugian.

PROTON pada awalnya merancang untuk memulihkan kedudukan MVAM, namun syarikat tersebut terus mencatatkan kerugian. PROTON sebagai pemegang saham majoriti perlu memperuntukkan sumber kewangan yang besar sekiranya berhasrat meneruskan perancangan memperbaiki kedudukan MVAM. Tanpa suntikan kewangan tambahan oleh PROTON, MVAM

berhadapan dengan kemungkinan muflis yang akan menyebabkan kerugian yang lebih besar kepada PROTON apabila perlu menanggung di antaranya, realisasi hutang yang dianggarkan melebihi RM1 bilion.

Pada masa yang sama, PROTON juga memerlukan sumber kewangan untuk memulihkan prestasi aktiviti utamanya iaitu pembuatan dan penjualan kereta keluaran PROTON. Berdasarkan kekangan kewangan dan kedudukan ini, Lembaga Pengarah PROTON telah memutuskan untuk melupuskan sahamnya dalam MVAM setelah mempertimbangkan secara terperinci kesan jangka pendek serta jangka panjang ke atas operasi, komersial dan kewangan Syarikat Kumpulan PROTON.

Keputusan pelupusan ini juga dibuat berdasarkan hasil kajian semula ke atas pelaburan PROTON dalam MVAM oleh beberapa buah syarikat antarabangsa bertauliah sebagai konsortium penasihat (*consortium of advisers*) termasuk syarikat Credit Suisse First Boston dan beberapa buah syarikat guaman dari Itali yang merumuskan empat perkara kritikal seperti berikut:

- i. model perniagaan MVAM tidak boleh dikekalkan dari segi operasi dan kewangan;
- ii. pembangunan MVAM memerlukan pelaburan besar berterusan bagi tempoh yang lama daripada PROTON;
- iii. integrasi operasi MVAM dengan PROTON tidak akan memberi skala ekonomi yang besar atau sinergi; dan
- iv. terdapat kemungkinan MVAM akan jatuh muflis serta membawa risiko komersial, kewangan dan reputasi terhadap PROTON.

Pemilihan konsortium penasihat bagi membantu dan menasihati PROTON dalam usaha-usaha penilaian risiko berkaitan dengan pegangan ekuiti di dalam MVAM adalah berdasarkan ciri-ciri seperti berikut:

- a. jaringan dan pengalaman antarabangsa;
- b. pengalaman yang mendalam dalam industri automotif; dan
- c. pelbagai kepakaran di dalam bidang-bidang terbabit dan bukan hanya kepakaran dari segi penasihat kewangan (*financial adviser*).

PROTON juga telah mendapatkan khidmat penasihat ke atas nilai pelupusan saham yang wajar. Namun, memandangkan MVAM mempunyai dana pemegang saham yang negatif (*negative shareholders fund*), aliran wang tunai yang tidak mencukupi (*cashflow deficit*) dan juga menanggung kerugian berterusan (kerugian selepas cukai berjumlah 118.57 juta Euro bagi tempoh 6 tahun sehingga 31 Disember 2005), nilai jualan selain daripada nilai nominal adalah sangat sukar diperoleh.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, penjualan pegangan PROTON dalam MVAM tidak boleh disamakan dengan transaksi penjualan Huqsvarna kepada BMW seperti yang dilaporkan memandangkan keadaan masa dan kandungan transaksi yang sangat berbeza. Sebagai contoh, jumlah liabiliti yang berkaitan dengan transaksi penjualan Huqsvarna tersebut tidak dilaporkan dengan jelas dan rasmi oleh pihak-pihak yang terbabit. Begitu juga dengan penjualan kepada Harley Davidson sebagaimana yang telah dilaporkan sebelum ini. Memandangkan PROTON tidak lagi mempunyai hubungan perniagaan dengan MVAM selepas pelupusan MVAM pada akhir tahun 2005, sebarang aktiviti yang dilakukan untuk meningkatkan nilai syarikat seperti *financial re-engineering* tidak dapat dipastikan secara menyeluruh.

SOALAN NO : 25

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING
[BINTULU]
TARIKH : 26 OGOS 2008
SOALAN :**

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta MENTERI
KESIHATAN menyatakan :**

- (a) bilakah pihak Kementerian akan melaksanakan projek pembinaan Poliklinik Bintulu dan Klinik Kesihatan Labang yang telah diluluskan pada 2008 yang lalu; dan
- (b) apakah punca utama kelewatan pelaksanaan projek ini dimulakan.

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pembinaan KK3 Bintulu sedang dalam proses rekabentuk oleh Jabatan Kerja Raya (JKR), Kuala Lumpur. JKR telah mengeluarkan Surat Niat dan proses tender bermula pada 15

Ogos 2008. Sementara itu bagi projek pembinaan Klinik Kesihatan Labang, projek ini ditangguhkan kerana ketiadaan peruntukan dan dijangka akan dapat dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10).

(b) Antara punca utama kelewatan projek tersebut adalah :

- i. perlantikan perunding bagi projek Klinik Kesihatan Bintulu agak lewat dilaksanakan ; dan
- ii. bagi Klinik Kesihatan Labang, peruntukan yang diluluskan adalah tidak mencukupi di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN
[PENDANG]
TARIKH : 26 OGOS 2008
SOALAN :

Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [Pendang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :

- (a) jumlah program PROSTAR yang telah diwujudkan dan sejauhmanakah ia dapat membantu membimbing remaja menjauhi gejala tidak sihat; dan
- (b) jumlah / jenis bantuan yang diberikan untuk setiap PROSTAR ini setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Program PROSTAR telah ditubuhkan pada tahun 1996. Sehingga Disember 2007, sejumlah 104 buah cawangan Kelab PROSTAR, 1,395 Kelab PROSTAR sekolah dengan keahlian seramai 18,000 orang dan 13 buah Pusat Khidmat PROSTAR telah diwujudkan.

Program PROSTAR telah membimbing remaja melalui Latihan Pembimbing Rakan Sebaya (PRS). Latihan PRS ini membimbing remaja untuk mempunyai pengetahuan dan kemahiran mengenai kesihatan diri, kesihatan seksual dan reproduktif, kesihatan mental dan tingkahlaku berisiko. Dari tahun 1997 hingga 2007, sejumlah 1,500 sesi latihan PRS telah dilaksanakan, Sejumlah 82,000 remaja telah dilatih dan 7,000 aktiviti telah dijalankan yang memberikan faedah kepada 860,000 remaja.

Penubuhan Pusat Khidmat PROSTAR (PKP) merupakan satu lagi usaha untuk membantu para remaja. Terdapat 13 buah Pusat Khidmat PROSTAR di seluruh negara yang menjalankan pelbagai aktiviti dan pemberian perkhidmatan kepada remaja seperti:

- i. penilaian sendiri risiko kesihatan dan rujukan ke klinik bagi masalah kesihatan serius ;
- ii. khidmat nasihat masalah remaja ;
- iii. perkhidmatan latihan khusus seperti memasak, memperbaiki kenderaan dan sebagainya ;
- iv. perkhidmatan berhenti merokok ;

- v. bimbingan pendidikan dan kerjaya ;
- vi. pengedaran bahan-bahan pendidikan kesihatan ;
- vii. kemudahan komputer dan perpustakaan mini ; dan
- viii. Permainan dalaman (*indoor game*)

Tuan Yang di-Pertua,

- b) Jumlah jenis bantuan yang diberikan bagi setiap Program PROSTAR untuk setiap tahun adalah Peruntukan Pelan Strategik Kebangsaan (NSP) untuk *HIV/AIDS* adalah berjumlah RM3.2 juta kepada Kelab PROSTAR Malaysia untuk membiayai penubuhan, penambahbaikan dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti di 13 buah Pusat Khidmat PROSTAR di seluruh negara.

Aktiviti Program PROSTAR di peringkat negeri dan daerah dibiayai melalui peruntukan belanja mengurus Jabatan Kesihatan Negeri dan Pejabat Kesihatan Daerah di bawah Program Pencegahan *HIV/AIDS* dan Pendidikan Kesihatan.

NW=27

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : TUAN TAN TEE BENG (NIBONG TEBAL)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 26.08.2008

Tuan Tan Bee Beng (Nibong Tebal) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dalam keputusan bagaimanakah Kerajaan telah bersetuju membenarkan PROTON Holdings Bhd melaburkan dengan harga RM3.6 juta kepada MV Agusta dan kenapa dalam masa setahun penjualan tersebut menjadi Euro Dollar 1 kepada Gevi Spa. Sila berikan satu keputusan yang tepat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, PROTON pada Disember 2004 telah melabur 70 juta Euro (RM353 juta) di dalam syarikat pembuat motosikal Itali, MV Agusta Motors Spa (MVAM) dengan pegangan saham sebanyak 57.75%. Semasa pembelian saham ini dibuat, MVAM sedang menghadapi masalah kewangan dan mencatatkan kerugian.

PROTON pada awalnya merancang untuk memulihkan kedudukan MVAM, namun syarikat tersebut terus mencatatkan

kerugian. PROTON sebagai pemegang saham majoriti perlu memperuntukkan sumber kewangan yang besar sekiranya berhasrat meneruskan perancangan memperbaiki kedudukan MVAM. Tanpa suntikan kewangan tambahan oleh PROTON, MVAM berhadapan dengan kemungkinan mufliis yang akan menyebabkan kerugian yang lebih besar kepada PROTON apabila perlu menanggung di antaranya, realisasi hutang yang dianggarkan melebihi RM1 bilion.

Pada masa yang sama, PROTON juga memerlukan sumber kewangan untuk memulihkan prestasi aktiviti utamanya iaitu pembuatan dan penjualan kereta keluaran PROTON. Berdasarkan kekangan kewangan dan kedudukan ini, Lembaga Pengarah PROTON telah memutuskan untuk melupuskan sahamnya dalam MVAM setelah mempertimbangkan secara terperinci kesan jangka pendek serta jangka panjang ke atas operasi, komersial dan kewangan Syarikat Kumpulan PROTON.

Keputusan pelupusan ini juga dibuat berdasarkan hasil kajian semula ke atas pelaburan PROTON dalam MVAM oleh beberapa buah syarikat antarabangsa bertauliah sebagai konsortium penasihat (*consortium of advisers*) termasuk syarikat Credit Suisse First Boston dan beberapa buah syarikat guaman dari Itali yang merumuskan empat perkara kritikal seperti berikut:

- i. model perniagaan MVAM tidak boleh dikekalkan dari segi operasi dan kewangan;
- ii. pembangunan MVAM memerlukan pelaburan besar berterusan bagi tempoh yang lama daripada PROTON;

- iii. integrasi operasi MVAM dengan PROTON tidak akan memberi skala ekonomi yang besar atau sinergi; dan
- iv. terdapat kemungkinan MVAM akan jatuh muflis serta membawa risiko komersial, kewangan dan reputasi terhadap PROTON.

Pemilihan konsortium penasihat bagi membantu dan menasihati PROTON dalam usaha-usaha penilaian risiko berkaitan dengan pegangan ekuiti di dalam MVAM adalah berdasarkan ciri-ciri seperti berikut:

- a. jaringan dan pengalaman antarabangsa;
- b. pengalaman yang mendalam dalam industri automotif; dan
- c. pelbagai kepakaran di dalam bidang-bidang terbabit dan bukan hanya kepakaran dari segi penasihat kewangan (*financial adviser*).

PROTON juga telah mendapatkan khidmat penasihat ke atas nilai pelupusan saham yang wajar. Namun, memandangkan MVAM mempunyai dana pemegang saham yang negatif (*negative shareholders fund*), aliran wang tunai yang tidak mencukupi (*cashflow deficit*) dan juga menanggung kerugian berterusan (kerugian selepas cukai berjumlah 118.57 juta Euro bagi tempoh 6 tahun sehingga 31 Disember 2005), nilai jualan selain daripada nilai nominal adalah sangat sukar diperolehi.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, penjualan pegangan PROTON dalam MVAM tidak boleh disamakan dengan transaksi penjualan Huqsvarna kepada BMW seperti yang dilaporkan memandangkan keadaan masa dan kandungan transaksi yang sangat berbeza. Sebagai contoh, jumlah liabiliti yang berkaitan dengan transaksi penjualan Huqsvarna tersebut tidak dilaporkan dengan jelas dan rasmi oleh pihak-pihak yang terbabit. Begitu juga dengan penjualan kepada Harley Davidson sebagaimana yang telah dilaporkan sebelum ini. Memandangkan PROTON tidak lagi mempunyai hubungan perniagaan dengan MVAM selepas pelupusan MVAM pada akhir tahun 2005, sebarang aktiviti yang dilakukan untuk meningkatkan nilai syarikat seperti *financial re-engineering* tidak dapat dipastikan secara menyeluruh.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN (JELUTONG)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 26.08.2008

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun (Jelutong) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada lembaga pengurusan PROTON telah membuat perhitungan tersilap apabila ia menjual putus MV Agusta Spa kepada Gevi Spa dengan harga \$1 Euro pada 2005, manakala kini Gevi Spa dapat menjual semula salah satu jenama Agusta, iaitu Husqvarna, dengan harga \$93 juta Euro.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, PROTON pada Disember 2004 telah melabur 70 juta Euro (RM353 juta) di dalam syarikat pembuat motosikal Itali, MV Agusta Motors Spa (MVAM) dengan pegangan saham sebanyak 57.75%. Semasa pembelian saham ini dibuat, MVAM sedang menghadapi masalah kewangan dan mencatatkan kerugian.

PROTON pada awalnya merancang untuk memulihkan kedudukan MVAM, namun syarikat tersebut terus mencatatkan

kerugian. PROTON sebagai pemegang saham majoriti perlu memperuntukkan sumber kewangan yang besar sekiranya berhasrat meneruskan perancangan memperbaiki kedudukan MVAM. Tanpa suntikan kewangan tambahan oleh PROTON, MVAM berhadapan dengan kemungkinan muflis yang akan menyebabkan kerugian yang lebih besar kepada PROTON apabila perlu menanggung di antaranya, realisasi hutang yang dianggarkan melebihi RM1 bilion.

Pada masa yang sama, PROTON juga memerlukan sumber kewangan untuk memulihkan prestasi aktiviti utamanya iaitu pembuatan dan penjualan kereta keluaran PROTON. Berdasarkan kekangan kewangan dan kedudukan ini, Lembaga Pengarah PROTON telah memutuskan untuk melupuskan sahamnya dalam MVAM setelah mempertimbangkan secara terperinci kesan jangka pendek serta jangka panjang ke atas operasi, komersial dan kewangan Syarikat Kumpulan PROTON.

Keputusan pelupusan ini juga dibuat berdasarkan hasil kajian semula ke atas pelaburan PROTON dalam MVAM oleh beberapa buah syarikat antarabangsa bertauliah sebagai konsortium penasihat (*consortium of advisers*) termasuk syarikat Credit Suisse First Boston dan beberapa buah syarikat guaman dari Itali yang merumuskan empat perkara kritikal seperti berikut:

- i. model perniagaan MVAM tidak boleh dikekalkan dari segi operasi dan kewangan;
- ii. pembangunan MVAM memerlukan pelaburan besar berterusan bagi tempoh yang lama daripada PROTON;

- iii. integrasi operasi MVAM dengan PROTON tidak akan memberi skala ekonomi yang besar atau sinergi; dan
- iv. terdapat kemungkinan MVAM akan jatuh muflis serta membawa risiko komersial, kewangan dan reputasi terhadap PROTON.

Pemilihan konsortium penasihat bagi membantu dan menasihati PROTON dalam usaha-usaha penilaian risiko berkaitan dengan pegangan ekuiti di dalam MVAM adalah berdasarkan ciri-ciri seperti berikut:

- a. jaringan dan pengalaman antarabangsa;
- b. pengalaman yang mendalam dalam industri automotif; dan
- c. pelbagai kepakaran di dalam bidang-bidang terbabit dan bukan hanya kepakaran dari segi penasihat kewangan (*financial adviser*).

PROTON juga telah mendapatkan khidmat penasihat ke atas nilai pelupusan saham yang wajar. Namun, memandangkan MVAM mempunyai dana pemegang saham yang negatif (*negative shareholders fund*), aliran wang tunai yang tidak mencukupi (*cashflow deficit*) dan juga menanggung kerugian berterusan (kerugian selepas cukai berjumlah 118.57 juta Euro bagi tempoh 6 tahun sehingga 31 Disember 2005), nilai jualan selain daripada nilai nominal adalah sangat sukar diperolehi.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, penjualan pegangan PROTON dalam MVAM tidak boleh disamakan dengan transaksi penjualan Huqsvarna kepada BMW seperti yang dilaporkan memandangkan keadaan masa dan kandungan transaksi yang sangat berbeza. Sebagai contoh, jumlah liabiliti yang berkaitan dengan transaksi penjualan Huqsvarna tersebut tidak dilaporkan dengan jelas dan rasmi oleh pihak-pihak yang terbabit. Begitu juga dengan penjualan kepada Harley Davidson sebagaimana yang telah dilaporkan sebelum ini. Memandangkan PROTON tidak lagi mempunyai hubungan perniagaan dengan MVAM selepas pelupusan MVAM pada akhir tahun 2005, sebarang aktiviti yang dilakukan untuk meningkatkan nilai syarikat seperti *financial re-engineering* tidak dapat dipastikan secara menyeluruh.

SULIT

NO SOALAN : 29

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MOHSIN FADZLI
BIN HAJI SAMSURI
(BAGAN SERAI)**

**TARIKH : 26 OGOS 2008
(SELASA)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan status 100 buah kenderaan Tentera Trak 3 Tan GS Cargo 4x4 Mercedes Benz yang dibaik pulih oleh Motor & Teknologi Industri Sdn. Bhd. serta kos baik pulih kenderaan tersebut.

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kesemua 100 buah kenderaan Tentera Trak 3 Tan GS Cargo 4x4 Mercedes Benz telah pun dibaik pulih oleh Syarikat Motor & Teknologi Industri Sdn. Bhd. Kenderaan-kenderaan tersebut diserahkan semula kepada Tentera Darat di mana penghantaran terakhir telah dilakukan pada Februari 2007. Kos yang terlibat bagi baik pulih kenderaan tersebut adalah berjumlah RM8.6 juta.

SULIT

NO SOALAN : 30

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SIM TONG HIM
(KOTA MELAKA)**

**TARIKH : 26 OGOS 2008
(SELASA)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan setakat ini, jumlah kes disiplin yang telah berlaku dalam kem Program Latihan Khidmat Negara, mengikut pecahan jenis disiplin.

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sejumlah 614 kes yang telah direkodkan semenjak pelaksanaan PLKN bermula tahun 2004 sehingga sekarang. Kes-kes disiplin tersebut dikelaskan dalam 3 kategori utama seperti berikut:

KATEGORI KES DISIPLIN	JUMLAH KES
Tidak Hadir (pelatih yang sudah melapor di kem, kemudian tidak melapor kembali dari cuti)	243
Sosial (merokok, pergaduhan kecil, tidak mematuhi arahan)	339
Harta Benda (<i>vandalisme</i>)	32
JUMLAH KESELURUHAN	614